

16 OCT 2000

Mahathir-Kuorum

BN AMBIL KIRA KEHADIRAN MP TENTUKAN NAMA CALON PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) akan mengambil kira kehadiran anggota Parlimen pada sesi persidangan Dewan Rakyat dalam menentukan senarai calon yang akan diberi peluang bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata pada mesyuarat pra-majlis BN pagi ini beliau telah mengingatkan sekali lagi semua anggota Parlimen BN bahawa kehadiran mereka akan dicatatkan.

"Saya pesan kat dia orang... kita akan catat nama-nama mereka (sepanjang persidangan ini berjalan) dan ini akan diambil kira untuk nama calon kemudian," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mesyuarat pra-majlis itu di Bangunan Parlimen hari ini.

Menjawab soalan pemberita, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata bukanlah mereka yang kerap tidak hadir sehingga menjejaskan kuorum mesyuarat itu akan disenaraihitamkan daripada menjadi calon tetapi mungkin nama mereka tidak akan ada dalam senarai calon itu nanti.

"Bukanlah senarai hitam tapi mungkin tak adalah nama dia (dalam senarai calon)," katanya.

Mesyuarat ketiga, penggal kedua persidangan Dewan Rakyat yang kesepuluh yang bermula hari ini dijadualkan berlangsung sehingga 20 Dis.

Pada sesi-sesi mesyuarat sebelum ini masalah tidak cukup kuorum sering timbul yang menjejaskan kelancaran perjalanan dewan apabila loceng peringatan mengenai kuorum terpaksa dibunyikan meminta anggota Parlimen yang berada di luar dewan masuk ke dalam dewan.

Dewan memerlukan kehadiran 26 anggotanya untuk mencukupkan kuorum daripada sejumlah 193 anggota termasuk 45 anggota pembangkang.

Pada mesyuarat kali ini, seperti mana biasa Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin akan membentangkan Belanjawan 2001, yang dijadualkan pada 27 Okt ini.

Pada mesyuarat kali ini juga enam rang undang-undang akan dikemukakan kepada dewan oleh menteri-menteri berkenaan untuk bacaan kali pertama.

Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000; Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000; Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000; Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2000; Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2000 (No.2) 2000; dan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000.

-- BERNAMA

MNY MNY RI